



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang, Selangor
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

KENYATAAN MEDIA

INSIDEN KEBAKARAN MV INTERASIA CATALYST

MV Interasia Catalyst, sebuah kapal kontena dengan panjang 260 meter telah berlepas dari Pelabuhan Klang pada 4 April 2021, pukul 1.00 pagi ke Cochin, India.

Pada 5 April 2021, ejen kapal tersebut memaklumkan bahawa terdapat asap yang keluar dari sebilangan kontena di dek kapal dan kapten kapal meminta untuk berpatah balik ke Pelabuhan Klang.

Kapal itu tiba di Pelabuhan Klang pada 7 April 2021, pukul 7.00 pagi dan telah diarahkan untuk berlabuh di luar kawasan berlabuh di Pintu Gedong, jauh daripada kapal-kapal yang lain. Juruukur kapal kemudiannya menaiki kapal dan memeriksa keadaan, dan meminta bantuan dari pelabuhan untuk menangani kebakaran dan 3 pasukan terdiri daripada 17 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Bomba Northport dan Westports dikerahkan ke kapal tersebut dengan 2 kapal tunda pemadam kebakaran. Langkah-langkah memadamkan kebakaran dimulakan segera dengan pemantauan rapat daripada kapten kapal.

Kawasan kebakaran melibatkan sekitar 8 kontena di dek, dengan ketinggian 4 kontena. Anggota bomba telah berjaya membuka pintu beberapa kontena untuk mengatasi kebakaran di dalamnya, sementara kerja-kerja penyejukan sempadan dilaksanakan berterusan di kawasan kontena berhampiran.

Oleh kerana kebakaran itu terbatas di kawasan dek yang mempunyai 35 kontena dan 4 kapal tunda pemadam kebakaran digunakan untuk membantu 24 anggota, usaha memadam kebakaran diteruskan dan kapal tidak berada dalam keadaan bahaya.

LPK berhubung secara rapat dengan pemilik, syarikat perkapalan Interasia dan juruukur yang dilantik untuk memastikan situasi diselesaikan dengan segera. Pemilik kapal juga menggunakan kren terapung dan kapal penyelamat akan hadir membantu pada 11 April 2021.

Lembaga Pelabuhan Kelang
10 April 2021 @ 0200 hrs



PORT KLANG AUTHORITY

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-31688228

MEDIA STATEMENT FIRE INCIDENT ON BOARD MV INTERASIA CATALYST

MV Interasia Catalyst, a container ship of LOA 260 metres departed from Port Klang on 04/04/2021 at 0100 hrs for Cochin, India.

On 05/04/2021, the vessel's agents informed that there was smoke emitting from a number of containers on the deck of the vessel and the Master requested to return to Port Klang.

The vessel arrived at Port Klang on 07/04/2021 at 0700 hrs and was instructed to anchor at the outer anchorage at Pintu Gedong, well away from other vessels. The vessel's surveyors boarded the vessel to assess the situation. Around 1700 hrs, the vessel requested assistance from the port to attend to the fire and 3 teams of 17 personnel from Federal Fire and Rescue Dept, Northport and Westports Fire Dept were despatched to the ship with 2 firefighting tugs. Firefighting measures commenced immediately with close liaison with the Master of the ship.

Currently the fire is restricted to about 8 containers on deck, with some located 4 levels high. Firefighters have managed to open the doors of a few containers to tackle the fire inside, while boundary cooling is provided continuously on the adjacent containers.

As the fire is restricted to an area on deck having about 35 containers and with 4 fire fighting tugs at the scene to assist with 24 personnel, the fire fighting efforts are ongoing and the ship is not in any grave danger.

PKA is liaising closely with the owners, Interasia Lines and their appointed surveyors to ensure a speedy resolution of the situation. The owners have also deployed a floating crane and a salvage tug to assist and they are due to arrive on 11/04/2021.

Port Klang Authority

10/04/2021 @0200hrs